



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk siaran segera
30 Mac 2020**

ASNB ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN UNTUK LIMA DANA

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap, Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM), serta tiga dana harga berubah, iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1.
- Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, ASB 2 mencatatkan jumlah pulangan tahunan sebanyak 4.75%, dengan pengagihan pendapatan sebanyak 4.75 sen seunit, dan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM519.0 juta kepada 439,543 pemegang unit. Sementara itu, jumlah pulangan tahunan sebanyak 4.25% telah dicatatkan bagi ASM dengan pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit dan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM868.8 juta kepada 553,188 pemegang unit. Jumlah pulangan ini mengatasi kadar pulangan penanda aras pada 2.60% yang dicatatkan oleh Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank pada tempoh yang sama.
- Bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1, pengagihan pendapatan adalah 3.25 sen seunit kepada 89,327 pemegang unit, 3.50 sen seunit kepada 86,426 pemegang unit dan 4.55 sen seunit kepada 69,872 pemegang unit. Jumlah pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga dana ini berjumlah RM228.7 juta.
- Transaksi bagi lima dana tersebut telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 25 sehingga 31 Mac 2020 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun masing-masing melalui portal ASNB di www.myasnb.com.my atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana ejen ASNB di seluruh negara apabila urusan niaga beroperasi semula pada 1 April 2020.

Kuala Lumpur, 30 Mac 2020: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk lima dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020. Ini merangkumi dua dana harga tetap, iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM), serta tiga dana harga berubah, iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 and ASN Sara 1.

Dana Harga Tetap ASNB

Prestasi ASB 2 dan ASM ditanda aras berbanding Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, ASB 2 dan ASM telah mengatasi penanda aras Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank, di mana jumlah pulangan tahunan bagi dana-dana

tersebut telah dicatatkan pada kadar pengagihan masing-masing sebanyak 4.75% dan 4.25%, berbanding kadar pulangan 2.60% yang telah dicatatkan oleh Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank.

ASNB mengisytiharkan pengagihan pendapatan ASB 2 sebanyak 4.75 sen seunit kepada 439,543 pemegang unit dan 4.25 sen seunit kepada 553,188 pemegang unit ASM, dengan jumlah pembayaran pendapatan mencecah hampir RM1.4 bilion bagi kedua-dua dana tersebut. Setakat 29 Februari 2020, ASB 2 mencatatkan pendapatan bersih direalisasi berjumlah RM413.30 juta, manakala ASM mencatatkan pendapatan bersih direalisasi berjumlah RM646.70 juta.

Dana Harga Berubah ASNB

ASNB turut mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 3.25 sen seunit kepada 89,327 pemegang unit ASN Equity 3, 3.50 sen seunit kepada 86,426 pemegang unit ASN Imbang 2 dan 4.55 sen seunit kepada 69,872 pemegang unit ASN Sara 1, dengan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga dana berjumlah RM228.7 juta. Jumlah pulangan bagi ketiga-tiga dana telah ditanda aras berbanding FBM 100 dan Simpanan Tetap 12-Bulan Maybank, pada nisbah yang ditetapkan untuk setiap dana.

Pengagihan pendapatan yang diisytihar oleh dana-dana tersebut diperolehi daripada keuntungan direalisasi, dividen dan pendapatan lain. Selari dengan penanda aras yang telah ditetapkan, PNB sentiasa mengekalkan strategi peruntukan aset berhemah dan pegangan saham yang besar di pasaran awam memastikan PNB mempunyai tahap kecairan pelaburan yang diperlukan untuk memberi pulangan yang mampan kepada pemegang unit. Di sebalik cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2019, portfolio dana PNB telah kekal kukuh secara relatif, berbanding penanda aras masing-masing, yang mana sebahagian besarnya disumbang oleh pegangan saham berkualiti tinggi dengan asas yang kukuh, serta langkah yang telah diambil bagi mempelbagaikan lagi portfolio.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana, manakala pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 adalah berdasarkan baki minimum bulanan yang dipegang pada hujung tahun. Pengagihan yang diisytiharkan oleh setiap dana akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam setiap akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik kepada akaun pemegang unit pada 1 April 2020.

Urus niaga bagi lima dana tersebut telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 25 sehingga 31 Mac 2020 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pejabat cawangan ASNB tidak beroperasi buat masa ini bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun pemegang unit masih boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB di www.myasnb.com.my atau melalui aplikasi mudah alih myASNB. Pemegang unit juga boleh berkunjung ke cawangan ejen ASNB apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 April 2020. Pemegang unit dinasihatkan untuk menyemak waktu operasi bank-bank ejen sepanjang tempoh PKP.

Tinjauan Pasaran

Dalam keadaan semasa yang tidak pernah berlaku sebelum ini, PNB ingin mengingatkan kepada pelabur bahawa syarikat-syarikat akan terus mengalami tekanan untuk meraih pendapatan dan ini tidak terhad kepada pasaran Malaysia sahaja tetapi juga pasaran global. Walaupun impak ekonomi dari keadaan semasa akan dirasakan secara meluas, sebagai pelabur jangka masa panjang, pasaran dijangka akan pulih dalam jangka masa sederhana dan panjang, setelah berubah mengikut keadaan baharu atau '*the new normal*'. Bagi memenuhi keperluan dalam keadaan baharu ini, PNB akan memfokuskan usaha untuk memanfaatkan prospek yang ditawarkan oleh '*market mispricing*', atau pasaran dengan harga saham di bawah nilai sebenar, ke arah memastikan PNB mampu bertahan sepanjang ketidakpastian ini.

PNB akan terus memperkukuh daya tahan portfolio pelaburan di sebalik keadaan pasaran yang sangat tidak menentu dengan menetapkan segala pelaburan melalui proses penilaian ketat, dan seterusnya cadangan pelaburan melalui proses tadbir urus berperingkat. Ini penting untuk menentukan portfolio PNB adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang diurus dengan baik serta mampu menempuhi kitaran pasaran.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah yang menghampiri 254 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2020

DANA HARGA TETAP



ASB 2

Amanah Saham
Bumiputera 2

4.75 sen
seunit

Pembayaran Jumlah Pengagihan Pendapatan: RM519.0 juta



ASM

Amanah Saham
Malaysia

4.25 sen
seunit

Pembayaran Jumlah Pengagihan Pendapatan: RM868.80 juta

DANA HARGA BERUBAH



ASN Equity 3

ASN Equity 3

3.25 sen
seunit



ASN Imbang 2

ASN Imbang
(Mixed Asset Balanced) 2

3.50 sen
seunit



ASN Sara 1


ASN Sara
(Mixed Asset Conservative) 1

4.55 sen
seunit

Pembayaran Jumlah Pengagihan Pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1: RM228.70 juta


Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Melebihi Pulangan Kadar Pendapatan Tetap



RM **519.0** juta

Jumlah pengagihan ASB 2



RM **868.8** juta

Jumlah pengagihan ASM

Nota: 1 Kadar Deposit Tetap Maybank 12-Bulan;

2 Pulangan Harga FBM KLCI setakat 27 Mac 2020.